

# Kertas Bil. 39/2021



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-  
PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI  
SELANGOR MENGENAI KATEGORI MISKIN DAN  
PEMBERIAN BANTUAN UNTUK GOLONGAN  
MISKIN DI NEGERI SELANGOR**

---

## KANDUNGAN

| BIL | PERKARA   | HALAMAN |
|-----|---|---------|
| 1   | Pendahuluan   | 1       |
| 2   | Latar Belakang  | 1       |
| 3   | Taklimat / Maklumat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)   | 2       |
| 4   | Maklumat Tambahan oleh Pihak DOSM   | 3       |
| 5   | Hasil Kajian Dalaman Mengenai Kadar Kemiskinan Di Negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD)  | 3       |
| 6   | Taklimat / Maklumat Oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Perbendaharaan Negeri Selangor (PWN) Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Seksyen Sektoral                                | 4       |
| 7   | Taklimat Oleh Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Sosio-Ekonomi, Kebajikan Masyarakat, Pemberdayaan Pekerja) dan Wakil Perbendaraan Negeri Selangor | 5       |
| 8   | Penemuan Jawatankuasa   | 6       |
| 9   | Saranan Jawatankuasa  | 7       |
| 10  | Perakuan  | 7       |
|     | Ahli-Ahli Jawatankuasa  | 8       |
|     | Urus Setia  | 8       |
|     | Lampiran-Lampiran   | 1 - 6   |

# **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI KATEGORI MISKIN DAN PEMBERIAN BANTUAN UNTUK GOLONGAN MISKIN DI NEGERI SELANGOR**

## **1. PENDAHULUAN**

Penyata ini dibentangkan adalah bertujuan untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berkaitan penentuan tahap kemiskinan dan pembentukan dasar/polisi berkenaan pemberian bantuan kepada golongan miskin di Negeri Selangor. Selain itu, JPK-Pembasmian Kemiskinan berharap agar kerajaan negeri dapat menetapkan hala tuju yang lebih jelas mengenai perkara tersebut. Berikut adalah isu-isu yang ingin diketengahkan oleh Jawatankuasa untuk perhatian pihak Kerajaan Negeri:

- i. Pemberian bantuan berdasarkan jadual PGK yang mengambil kira Daerah, Strata (Bandar / Luar bandar) dan bilangan isi rumah pemohon (*3-tier system*).
- ii. Pemberian bantuan berdasarkan PGK yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).
- iii. Pengiktirafan ukuran kemiskinan berdasarkan Kemiskinan Relatif.

## **2. LATAR BELAKANG**

2.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 8 kali iaitu pada 6 Ogos 2020 (Bil.12/2020), 19 Oktober 2020 (Bil.13/2020), 24 November 2020 (Bil.14/2020), 9 Disember 2020 (Bil.15/2020), 23 Disember 2020 (Bil.16/2020), 11 Januari 2021 (Bil.1/2021), 9 September 2021 (Bil.2/2021), dan 28 September 2021 (Bil. 3/2021). Berikut adalah agensi/individu yang telah dijemput ke mesyuarat JPK-Pembasmian Kemiskinan (**Lampiran 1**):-

- 2.1.1 Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Sosio-ekonomi, Kebajikan Masyarakat, Pemberdayaan Pekerja)
- 2.1.2 Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Seksyen Sektoral
- 2.1.3 Perbadaharaan Negeri Selangor (PWN)
- 2.1.4 Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

### **3. TAKLIMAT/MAKLUMAT OLEH JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA (DOSM)**

- 3.1 Taklimat telah disampaikan oleh Puan Siti Asiah Ahmad, Pengarah Bahagian Statistik Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan, Jabatan Perangkaan Malaysia berkenaan Penemuan Utama Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2019 Selangor.
- 3.2 Jawatankuasa telah dibekalkan dengan dua (2) buah buku penerbitan DOSM iaitu Laporan survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran 2019 dan Laporan survei Perbelanjaan Isi Rumah mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran 2019.
- 3.3 Jawatankuasa mendapati DOSM telah menggunakan pendekatan baharu (Metodologi 2019) dalam menetapkan nilai PGK dimana perbelanjaan/pengambilan isi rumah kumpulan pendapatan B20 nasional dijadikan rujukan utama dalam penentuan item makanan untuk PGK Makanan dan penentuan Bukan Makanan yang melibatkan 146 item berbanding 106 item dalam Metodologi 2005.
- 3.4 Nilai PGK Selangor yang telah dikeluarkan oleh DOSM adalah RM2,022 dimana PGK Makanan adalah RM1,166 dan PGK Bukan Makanan adalah RM856 sebulan.
- 3.5 Jawatankuasa mengambil maklum nilai PGK Selangor (RM2,022) yang lebih rendah berbanding PGK Nasional (RM2,208) dan tidak menggambarkan senario ekonomi negeri Selangor adalah kerana kumpulan pendapatan B20 nasional tidak sama dengan kumpulan pendapatan B20 di Selangor.
- 3.6 Jawatankuasa mengambil maklum, selain daripada menggunakan metodologi PGK untuk mengukur kadar kemiskinan, terdapat juga konsep Kemiskinan Relatif dimana ia adalah berdasarkan pengukuran pendapatan isi rumah dibandingkan dengan suatu keadaan taraf hidup yang ditetapkan dalam masyarakat. Kadar kemiskinan relatif diukur berdasarkan kepada separuh daripada pendapatan penengah keseluruhan isi rumah pada tahun berkaitan.
- 3.7 Pendapatan penengah keseluruhan isi rumah (pendapatan kasar) pada tahun 2019 di Negeri Selangor adalah RM8,210 dan separuh daripada pendapatan penengah keseluruhan isi rumah adalah RM4,105 iaitu had kemiskinan relatif di Negeri Selangor.
- 3.8 Berdasarkan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran 2019 daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Insiden kemiskinan relatif pada tahun 2019 adalah 15.3% berbanding 10.7% pada tahun 2016.

#### **4. MAKLUMAT TAMBAHAN OLEH PIHAK DOSM**

- 4.1 Berkenaan dengan nilai PGK Selangor (RM2,022) yang lebih rendah berbanding PGK Nasional (RM2,208) dan tidak menggambarkan senario ekonomi negeri Selangor, pihak DOSM telah mengemukakan maklumat tambahan dan Jawatankuasa mengambil maklum nilai PGK Baharu bagi negeri Selangor yang berdasarkan kajian awal adalah RM2,365<sup>1</sup> dan ia melibatkan 32,751 isi rumah.
- 4.2 Pihak DOSM juga telah membekalkan maklumat berkenaan nilai PGK di Negeri Selangor berdasarkan bilangan ahli isi rumah (**Lampiran 2**), nilai PGK mengikut daerah pentadbiran dan strata (**Lampiran 3**), dan nilai PGK bagi setiap bilangan isi rumah mengikut daerah pentadbiran (**Lampiran 4**).

#### **5. HASIL KAJIAN DALAMAN MENGENAI KADAR KEMISKINAN DI NEGARA PERTUBUHAN KERJASAMA EKONOMI DAN PEMBANGUNAN (OECD)**

- 5.1 Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada laman sesawang rasmi negara-negara OECD, kadar kemiskinan adalah nisbah bilangan penduduk (dalam kumpulan umur tertentu) yang pendapatannya berada di bawah garis kemiskinan yang diambil sebagai separuh daripada nilai penengah pendapatan isi rumah keseluruhan penduduk (kemiskinan relatif). Ia juga dikategorikan mengikut kumpulan umur iaitu kemiskinan kanak-kanak (0-17 tahun), kemiskinan usia bekerja dan kemiskinan warga tua (66 tahun atau lebih).<sup>2</sup>
- 5.2 Statistik yang diperolehi dari laman sesawang Statista, peratusan kadar kemiskinan di negara-negara OECD adalah di antara 4.9% hingga 19.9%.<sup>3</sup>
- 5.3 Sehubungan itu, peratusan kadar kemiskinan seharusnya tidaklah hanya semata-mata berpandukan kadar kemiskinan mutlak namun, ianya juga perlulah mengiktiraf nilai kemiskinan relatif sekiranya Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan taraf hidup yang lebih berkualiti bagi rakyat..
- 5.4 Jawatankuasa juga berpendapat nilai peratusan kemiskinan relatif di Selangor dengan kadar 15.3% adalah tidak begitu drastik jika dibandingkan dengan negara-negara maju lain. Ia harus dijadikan panduan oleh kerajaan untuk membuat dasar yang lebih holistik bagi menangani isu kemiskinan di negeri Selangor untuk jangka masa panjang.

---

<sup>1</sup> Jawatankuasa mengambil maklum nilai tersebut adalah berdasarkan kajian awalan DOSM dan ia boleh berubah tertakluk kepada kajian dari semasa ke semasa oleh DOSM.

<sup>2</sup> OECD Data (Poverty Rate), <https://data.oecd.org/inequality/poverty-rate.htm>

<sup>3</sup> Poverty rates in OECD countries as of 2019, <https://www.statista.com/statistics/233910/poverty-rates-in-oecd-countries/>

**6. TAKLIMAT/MAKLUMAT OLEH JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA (DOSM), PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR (PWN) DAN UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI (UPEN), SEKSYEN SEKTORAL**

- 6.1 Taklimat telah disampaikan oleh Puan Sharifah Norsalina Binti Syed Nawawi (Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri), Puan Aslynda Mohd Dahlan (Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Sektoral UPEN) dan Encik Amri Idris (Pengarah, DOSM Selangor).
- 6.2 Jawatankuasa telah membincangkan isu perbezaan angka penerima bantuan KISS dan Jom Shopping Perayaan yang dinyatakan oleh Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Sosio-ekonomi, Kebajikan Masyarakat, Pemberdayaan Pekerja) semasa sesi penggulungan pada Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2020 (**Lampiran 5**) dengan jumlah bilangan isi rumah yang berpendapatan di bawah RM2,000 oleh pihak DOSM (23,800), Berikut adalah maklum balas kesemua agensi yang telah dijemput:-
- 6.2.1 Pihak DOSM memaklumkan bilangan isi rumah yang berpendapatan di bawah RM2,000 sebulan adalah 23,800 isi rumah dan statistik yang dibekalkan adalah berdasarkan data yang diperoleh daripada survei yang dijalankan secara persampelan.
- 6.2.2 Pihak DOSM juga memaklumkan punca pendapatan yang diambil kira di dalam kajian ini adalah seperti berikut:-
- 1) Pekerjaan Bergaji
  - 2) Bekerja sendiri
  - 3) Harta dan Pelaburan
  - 4) Pindahan semasa diterima
- 6.2.3 Pihak PWN berpendapat perbezaan jumlah isi rumah yang berpendapatan di bawah RM2,000 oleh pihak DOSM dengan data penerima bantuan IPR oleh UPEN yang khusus untuk isi rumah berpendapatan di bawah RM2,000 berkemungkinan kerana pihak UPEN hanya mengambil kira pendapatan daripada Pekerjaan Bergaji dan juga lain-lain kriteria seperti status OKU.
- 6.3 Jawatankuasa telah membincangkan isu cadangan pemberian bantuan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan bilangan isi rumah dan Pihak PWN dan UPEN telah membekalkan maklum balas kepada Jawatankuasa seperti di **Lampiran 6**.

**7. TAKLIMAT OLEH Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN (PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI, KEBAJIKAN MASYARAKAT, PEMBERDAYAAN PEKERJA) DAN WAKIL PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR**

- 7.1 Jawatankuasa telah mengadakan perbincangan bersama Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman dan Puan Sharifah Norsalina Binti Syed Nawawi bagi mendapatkan pandangan mereka terhadap isu-isu berikut:

**Pemberian bantuan berdasarkan jadual PGK yang mengambil kira Daerah, Strata (Bandar/Luar bandar) dan bilangan isi rumah pemohon (*3-tier system*)**

- 7.1.1 PWN memaklumkan bahawa mereka tiada halangan sekiranya Kerajaan Negeri ingin memberikan bantuan berdasarkan jadual isi rumah PGK. Walau bagaimanapun, PWN menegaskan supaya pihak UPEN perlu membuat sebuah formulasi dan pengumpulan data yang tepat dari segi syarat kelayakan serta sasaran penerima bantuan sebelum dikemukakan kepada PWN.
- 7.1.2 PWN turut menjelaskan sekiranya pihak UPEN mampu untuk berbuat demikian, barulah PWN akan memproses maklumat tersebut bagi dipadankan dengan kemampuan kewangan negeri.
- 7.1.3 Y.B. EXCO memaklumkan kajian perlu dibuat bagi melaksanakan *3-tier system* dan ianya juga perlu mengambil kira keseimbangan pendapatan dan perbelanjaan kerajaan negeri. Buat masa ini terdapat kekangan dari aspek pengumpulan data oleh pihak UPEN.
- 7.1.4 Y.B. EXCO juga memaklumkan perbelanjaan pelaksanaan dasar-dasar ini juga bukan sahaja tertumpu dalam aspek pemberian bantuan, namun ia juga melibatkan perbelanjaan mengurus.
- 7.1.5 Y.B. EXCO berpandangan terdapat juga kekangan dari aspek pembahagian program-program IPR yang melibatkan terlalu banyak agensi berlainan seperti SELCARE, YAWAS di bawah portfolio yang berbeza-beza.

**Pemberian bantuan berdasarkan PGK baharu yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**

- 7.1.6 Y.B. EXCO memaklumkan, beliau telah pun mencadangkan agar RM3,000 atau RM2,500 ditetapkan sebagai PGK baharu bagi tujuan pemberian bantuan namun cadangan tersebut tidak diterima oleh pihak UPEN dan PWN.
- 7.1.7 PWN menjelaskan bagi setiap cadangan pembentukan dasar kerajaan mestilah berdasarkan fakta dan data yang tepat dan benar.
- 7.1.8 PWN mencadangkan agar jawatankuasa menjemput Pengarah UPEN bagi mendapatkan penjelasan mengenai isu berkaitan mekanisma dan syarat kelayakan pemberian bantuan.

**8. PENEMUAN JAWATANKUASA**

- 8.1 Jawatankuasa berpendapat kaedah pemberian bantuan berdasarkan jadual nilai PGK berdasarkan bilangan ahli isi rumah dan lokasi seperti di Lampiran 4 berupaya untuk membantu Kerajaan Negeri dalam membuat pengagihan dengan lebih tepat dan bersasar berbanding kaedah semasa yang menggunakan satu nilai PGK untuk pengagihan bantuan.
- 8.2 Jawatankuasa mendapati wujudnya perbezaan dari segi penetapan PGK yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dan DOSM iaitu dengan angka masing-masing RM2,000 dan RM2,365<sup>4</sup>. Memandangkan jurang perbezaannya yang tidak terlalu besar, Jawatankuasa merasakan Kerajaan Negeri perlu menggunakan angka yang ditetapkan oleh DOSM kerana ia memberikan gambaran yang lebih tepat mengenai senario kemiskinan di Negeri Selangor.
- 8.3 Hasil dari kajian dan maklum balas dari agensi/jabatan, Jawatankuasa mendapati kebanyakan negara maju menekankan konsep kemiskinan relatif sebagai kaedah untuk menetapkan kadar kemiskinan secara keseluruhan berbanding dengan kemiskinan mutlak.

---

<sup>4</sup> Jawatankuasa mengambil maklum nilai tersebut adalah berdasarkan kajian awalan DOSM dan ia boleh berubah tertakluk kepada kajian dari semasa ke semasa oleh DOSM

## **9. SARANAN JAWATANKUASA**

- 9.1 Jawatankuasa mencadangkan untuk jangka masa panjang, Pelaksanaan PGK harus mengambil kira saiz isi rumah dan lokasi seperti di Lampiran 2.
- 9.2 Sementara menunggu pelaksanaan pemberian bantuan menggunakan nilai PGK yang berdasarkan saiz isi rumah dan lokasi, jawatankuasa mencadangkan kerajaan negeri perlu menetapkan PGK yang lebih tepat berdasarkan data dan fakta seperti yang telah dikaji oleh pihak DOSM iaitu RM2,365<sup>5</sup>.
- 9.3 Jawatankuasa ingin menggesa agar kerajaan negeri mengiktiraf dan memberi tumpuan kepada tahap kemiskinan relatif di negeri Selangor. Jawatankuasa berpendapat mereka yang tergolong dalam kemiskinan relatif juga perlu diberikan perhatian oleh Kerajaan, tidak semestinya dalam bentuk bantuan tunai, tetapi melalui program pembangunan kapasiti yang mampu meningkatkan keupayaan pendapatan mereka.

## **10. PERAKUAN**

Jawatankuasa ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua wakil agensi/individu yang telah mengemukakan keterangan serta semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan penyediaan pernyata ini. Jawatankuasa berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-Pembasmian Kemiskinan dalam mesyuarat Jawatankuasa Bil.3/2021 bertarikh 28 September 2021.

Disahkan oleh:

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN**  
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas  
Pembasmian Kemiskinan

---

<sup>5</sup> Jawatankuasa mengambil maklum nilai tersebut adalah berdasarkan kajian awalan DOSM dan ia boleh berubah tertakluk kepada kajian dari semasa ke semasa oleh DOSM

## **AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JKP-Pembasmian Kemiskinan):

- |    |  |           |
|----|--|-----------|
| 1) | Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran<br>(ADN Bukit Gasing)    | Pengerusi |
| 2) | Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin<br>(ADN Permatang)  | Ahli      |
| 3) | Y.B Tuan Chua Wei Kiat<br>(ADN Rawang)                   | Ahli      |
| 4) | Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof<br>(ADN Dusun Tua)  | Ahli      |
| 5) | Y.B. Tuan Lai Wai Chong<br>(ADN Teratai)                 | Ahli      |
| 6) | Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin<br>(ADN Sungai Panjang) | Ahli      |
| 7) | Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman<br>(ADN Sabak)        | Ahli      |

## **URUS SETIA**

- |    |  |
|----|--|
| 1) | Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar<br>Setiausaha Bahagian (Dewan)                |
| 2) | Encik Muhamjirih bin Ahmad<br>Penolong Setiausaha (Dewan)                          |
| 3) | Encik Mohamad Izad Syafiq Bin Ahmad Mashudi<br>Pembantu Setiausaha Pejabat (Dewan) |
| 4) | Cik Siti Khadijah Binti Maarof<br>Penyelidik                                       |
| 5) | Encik Nik Muhammad Syaamil Bin Nik Ismail<br>Penyelidik                            |

## LAMPIRAN 1

### SENARAI WAKIL AGENSI/INDIVIDU YANG BERKAITAN

1. Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman  
*Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Sosio-Ekonomi, Kebajikan Masyarakat, Pemberdayaan Pekerja)*

### JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA (DOSM)

1. Puan Siti Asiah Ahmad  
*Pengarah Bahagian Statistik Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan, Jabatan Perangkaan Malaysia*
2. Encik Muhammad Amri Bin Idris  
*Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor*

### PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR (PWN)

1. Puan Sharifah Norsalina Binti Syed Nawawi  
*Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri*

### UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI (UPEN), SEKSYEN SEKTORAL

1. Puan Aslynda Mohd Dahlan,  
*Ketua Penolong Pengarah Bahagian UPEN  
Seksyen Sektoral*
2. Encik Ahmad Aizat bin Noorzainee Shah,  
*Penolong Pengarah Bahagian UPEN  
Seksyen Sektoral*

## LAMPIRAN 2

Bilangan isi rumah Selangor mengikut Bilangan Ahli Isi Rumah.

| SELANGOR, 2019     |       | Purata PGK | Pendapatan Purata | Pendapatan Penengah |
|--------------------|-------|------------|-------------------|---------------------|
| Bil Ahli Isi Rumah |       |            |                   |                     |
| 1                  | 660   |            | 6,278             | 4,512               |
| 2                  | 1,175 |            | 8,591             | 6,368               |
| 3                  | 1,624 |            | 10,087            | 7,589               |
| 4                  | 2,062 |            | 11,209            | 8,937               |
| 5                  | 2,493 |            | 11,804            | 9,367               |
| 6                  | 2,916 |            | 12,244            | 9,327               |
| 7                  | 3,363 |            | 14,899            | 10,522              |
| 8                  | 3,824 |            | 15,193            | 11,228              |
| 9                  | 4,172 |            | 21,877            | 11,413              |
| 10                 | 4,642 |            | 22,437            | 17,816              |
| 11                 | 4,975 |            | 16,272            | 12,528              |
| 12                 | 5,440 |            | 10,197            | 9,116               |
| 15                 | 6,255 |            | 21,414            | 21,414              |
| 19                 | 7,338 |            | 13,424            | 13,424              |

\*Data diperolehi pada 20 Oktober 2020 dari pihak DOSM Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan, (T) : 03-8885 7280 )

Jadual 1: Purata Pendapatan Garis Kemiskinan mengikut daerah pentadbiran dan strata, Selangor, 2019

| Daerah Pentadbiran | Pendapatan Garis Kemiskinan (RM) |        |             |
|--------------------|----------------------------------|--------|-------------|
|                    | Jumlah                           | Bandar | Luar Bandar |
| Selangor           | 2,022                            | 2,029  | 1,901       |
| Gombak             | 2,042                            | 2,042  | 2,040       |
| Klang              | 2,130                            | 2,130  | 2,141       |
| Kuala Langat       | 2,024                            | 2,024  | 2,024       |
| Kuala Selangor     | 2,060                            | 2,134  | 1,861       |
| Petaling           | 2,002                            | 2,002  | 1,751       |
| Sabak Bernam       | 1,848                            | 1,958  | 1,912       |
| Sepang             | 1,941                            | 1,951  | 2,190       |
| Hulu Langat        | 1,996                            | 1,994  | 1,764       |
| Hulu Selangor      | 2,013                            | 2,091  |             |

| Bil. Isi Rumah |     | Pendapatan Garis Kemiskinan (RM) berdasarkan Bilangan Isi Rumah |       |       |       |       |       |       |       |       |       |       |       |       |    |       |    |    |       |    |
|----------------|-----|---|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|----|-------|----|----|-------|----|
|                |     | 1   | 2     | 3     | 4     | 5     | 6     | 7     | 8     | 9     | 10    | 11    | 12    | 13    | 14 | 15    | 16 | 17 | 18    | 19 |
| Selangor       | 660 | 1,175   | 1,624 | 2,062 | 2,493 | 2,916 | 3,363 | 3,824 | 4,172 | 4,642 | 4,975 | 5,440 | 6,255 | 7,338 |    |       |    |    |       |    |
| Gombak         | 664 | 1,178   | 1,628 | 2,056 | 2,497 | 2,922 | 3,355 | 3,904 | 4,140 | 4,793 | 4,843 |       |       |       |    | 6,255 |    |    |       |    |
| Klang          | 665 | 1,177   | 1,636 | 2,083 | 2,511 | 2,928 | 3,439 | 3,829 | 4,217 | 4,659 | 4,954 | 5,153 |       |       |    |       |    |    |       |    |
| Kuala Langat   | 650 | 1,148   | 1,612 | 2,024 | 2,427 | 2,872 | 3,244 | 3,753 | 4,151 | 4,189 | 4,747 |       |       |       |    |       |    |    | 7,338 |    |
| Kuala Selangor | 640 | 1,158   | 1,609 | 2,018 | 2,450 | 2,871 | 3,258 | 3,681 | 4,095 | 4,364 | 4,790 |       |       |       |    |       |    |    |       |    |
| Petaling       | 663 | 1,179   | 1,627 | 2,072 | 2,489 | 2,947 | 3,369 | 3,828 | 4,162 | 4,667 | 5,061 |       |       |       |    |       |    |    |       |    |
| Sabak Bernam   | 631 | 1,131   | 1,552 | 2,012 | 2,475 | 2,795 | 3,237 | 3,645 | 4,520 |       |       |       |       |       |    | 5,299 |    |    |       |    |
| Sepang         | 651 | 1,171   | 1,581 | 2,004 | 2,466 | 2,826 | 3,320 | 3,722 | 4,130 | 4,486 |       |       |       |       |    |       |    |    |       |    |
| Hulu Langat    | 666 | 1,178   | 1,630 | 2,071 | 2,523 | 2,914 | 3,347 | 3,860 | 4,178 | 4,640 | 5,173 | 5,571 |       |       |    |       |    |    |       |    |
| Hulu Selangor  | 648 | 1,152   | 1,604 | 2,010 | 2,418 | 2,819 | 3,323 | 3,751 | 4,243 | 4,799 |       |       |       |       |    | 5,513 |    |    |       |    |

## LAMPIRAN 5

### JUMLAH PENERIMA BANTUAN

|        | JENIS BANTUAN                           | JUMLAH PENERIMA | CATATAN             |
|--------|---|-----------------|---------------------|
| 2      | Baucar Tiga (3) Perayaan (JOM SHOPPING) | 80,000          | Isi rumah bawah PGK |
| 3      | KISS (Bantuan RM200 sebulan)            | 25,000          | Isi rumah bawah PGK |
| JUMLAH |   | 105,000         |                     |

Berdasarkan kenyataan Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Sosio-ekonomi, Kebajikan Masyarakat, Pemberdayaan Pekerja) semasa sesi penggulungan pada Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2020, muka surat 40, <http://dewan.selangor.gov.my/wp-content/uploads/2020/11/HANSARD-04-NOV-2020.pdf>;

"Terima kasih, Tuan Speaker. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membawa isu-isu berkaitan kemiskinan, bantuan perihatan yang berhubung dengan KISS, SMUE, Bantuan HAM dan sebagainya dan juga berkaitan tentang pekerja. Tuan Speaker, bagi menjawab cadangan Yang Berhormat Bukit Lanjan, yang begitu perihatin terhadap masalah rakyat yang kita tekan dengan kehidupan di bawah paras garis kemiskinan lebih-lebih lagi akibat COVID-19 memang sesuatu keadaan yang sangat merumitkan Kerajaan Negeri sedar golongan miskin ini bukan sahaja daripada satu kawasan malahan Kerajaan Negeri juga memberi fokus apabila kita sedar kemiskinan Luar Bandar dan juga kemiskinan Bandar. Kini menjadi kemiskinan Bandar menjadi suatu fenomena yang sangat di risau oleh Kerajaan Negeri. Cadangan Bukit Lanjan agar RM900 diberi kepada keluarga miskin memang menunjukkan keperihatinan beliau, namun apabila tanpa suatu data yang nyata, saya bagi Kerajaan Negeri apabila kita banding dengan data-data yang sedia ada bagi yang berdaftar SMUE sehingga untuk tahun 2020 sahaja 98,647 penerima baucar 3 perayaan sebab apa kita bagi kepada orang yang miskin ini semua. Sasaran kita 80,000 orang Kad KISS sasaran kita 25,000 orang sebab apa saya banding ini 3 program sebab salah satu mereka tak dapat program lain so jumlahnya sebanyak 203,647 saya juga ingin mencantum dengan mereka yang telah berdaftar dan menerima sebahagian daripada keluarga Asnaf dan fakir miskin daripada Zakat seramai 61,767 maka apabila kita campur semua seramai 203647 orang bermaksud keluarga, maka apabila kita banding 6 (+) 265404 times 900 kita dapat 238 Juta untuk setiap bulan times dengan 12 kita akan dapat RM 2.8 Billion perlu, kalau kita bandingkan hanya dengan RM 900 kalau setiap bulan untuk keluarga-keluarga miskin yang hanya berdaftar setakat di situ sahaja."

LAMPIRAN 6

**MAKLUMAT UNTUK PENELITIAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
PEMBASMIAK KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR**

| PERKARA   | MAKLUMBALAS   |
|---|---|
| Program-program yang sedang dilaksanakan serta tindakan dalam perancangan untuk mengurangkan Garis Kemiskinan di Selangor.  | <p>Untuk makluman Kerajaan Negeri Selangor sedang menjalankan beberapa program yang dapat meningkatkan pendapatan sekaligus mengeluarkan golongan B40 khususnya miskin tegar daripada kitaran kemiskinan. Antara Program-program yang ditawarkan kepada rakyat adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan</li> <li>• Latihan Usahawan IT (SITEC)</li> <li>• Skim Hijrah Selangor</li> <li>• Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS)</li> <li>• Program-program dibawah anjuran Pusat Wanita Berdaya (PWB)</li> <li>• Inisiatif Roda Darul Ehsan (RIDE)</li> </ul> <p>Manfaat yang diterima daripada program-program yang ditawarkan ini meliputi aspek khidmat nasihat dalam menjalankan perniagaan, pemberian geran dalam bentuk bantuan mesin/peralatan, bantuan kewangan dan kursus-kursus keusahawanan.</p> |
| Pandangan serta implikasi terhadap pelaksanaan program-program IPR seandainya proses pemilihan penerima bantuan dibuat berdasarkan jadual Pendapatan Garis Kemiskinan mengikut bilangan isi rumah di Selangor seperti di lampiran | Jika Pendapatan Garis Kemiskinan dinaikkan seperti di lampiran, besar kemungkinan jumlah pemohon yang layak akan meningkat sekaligus membuka lebih banyak peluang kepada golongan yang berpendapatan rendah untuk merasai manfaat yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri.   |

Disediakan oleh : .....

ASLYNDA BINTI MOHD DAHLAN  
Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Sektoral  
Unit Perancang Ekonomi Negeri

Tel No. : 03-55212556  
Tarikh : 02 Disember 2020

Disahkan oleh : .....

AMRI BIN ISMAIL  
Timbalan Pengarah, Seksyen Sektoral  
Unit Perancang Ekonomi Negeri

Tel No. : 03-55447487  
Tarikh : 03 Disember 2020



**PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR  
SELANGOR STATE TREASURY**  
Tingkat 2, 8-12  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40592 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000  
No. Faks : 603-5510 6265 (YB. PWN)  
603-5544 7297 (TPWN)  
603-5512 1054 (BN)  
603-5521 2553 (BKP)  
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>  
E-mail : [pwn\\_helpdesk@selangor.gov.my](mailto:pwn_helpdesk@selangor.gov.my)



Rujukan Kami : PWN.Sel.(A) 253 Jld. 21 (61 )  
Tarikh : 22 Rabiul Akhir 1442H  
8 Disember 2020

Setiausaha Bahagian,  
Pejabat Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan,  
Tingkat 1, Bangunan Annex, Dewan Negeri Selangor,  
40680 SHAH ALAM

Puan,

**MAKLUMAT UNTUK PENELITIAN JAWANTANKUSA PILIHAN KHAS PEMBASMIAK  
KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR**

Dengan hormatnya saya merujuk surat (17) dlm. DUN.SEL.3041131 Jld.10 bertarikh 26 Disember 2020 mengenai perkara di atas .

2. Adalah dimaklumkan bahawa Perbadanan Negeri Selangor (PNS) telah menerima permohonan berhubung maklum balas berkaitan maklumat penelitian Jawantankusa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan seperti berikut:

| Bil. | Perkara  | Maklum balas   |
|------|--|--|
| 1.   | Pandangan serta implikasi terhadap pelaksanaan program-program IPR seandainya proses pemilihan penerima bantuan dibuat berdasarkan jadual Pendapatan Garis Kemiskinan mengikut bilangan isi rumah di Selangor seperti di lampiran. | Kemampuan Belanjawan<br><br>PNS berpandangan bahawa bilangan/angka yang akan dimuktamadkan perlu menggambarkan dengan tepat insiden kemiskinan sebenar di Negeri Selangor kerana ia akan memberi implikasi kepada perancangan program serta penyediaan peruntukan untuk pelaksanaan program-program kemiskinan tersebut. Penyediaan peruntukan juga adalah bergantung kepada keupayaan kewangan semasa Kerajaan Negeri.<br><br>Pada keadaan semasa, berlakunya situasi percanggahan antara data dan permohonan sebenar (permohonan bantuan melebihi bilangan penerima bantuan dalam database/statistik) yang mana ia mengakibatkan peruntukan burst untuk sesuatu program. Dalam hal ini angka Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) baharu perlulah <i>reliable</i> dan <i>verifiable</i> (kebolehsahan). |

1/3



**MAKLUMAT UNTUK PENELITIAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAK  
KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR**

| BIL. | Perkara | Maklumat   |
|------|---------|--|
|      |         | <p><b>Data</b><br/> PGK baru yang akan diterima untuk digunakan juga perlu <i>represent</i> (mewakili) populasi sebenar Selangor. Untuk itu, responden kajian perlu dikenalpasti sama ada mereka lahir di Selangor (nombor ic) atau pemastautin (tempoh) atau ibu/bapa lahir di Selangor dan menetap di Negeri Selangor.</p> <p><b>Pelaksanaan program &amp; pertindihan</b><br/> Dari aspek perancangan program, Kerajaan Negeri akan meletakkan PGK baru <i>baseline</i> bagi setiap program supaya bantuan ini disalurkan kepada penerima manfaat. Walau bagaimanapun, program IPR Selangor adalah dinamik dan lebih tersasar kepada kumpulan tertentu seperti program KISS (ibu tunggal), ANIS (anak istimewa), Selangor Kerjaya (penganggur/yang diberhentikan kerja). Oleh yang demikian, PGK bukanlah <i>baseline</i> utama kerana setiap program akan mempunyai <i>baseline</i> yang berlainan untuk menentukan bilangan penerima manfaat.</p> <p>Kerajaan Persekutuan juga menyediakan program kebaikan bagi kumpulan rentan (mudah terjejas) dan terdapat kemungkinan ianya bertindih dengan program IPR yang dilaksanakan di Selangor. Pertindihan serta <i>discrepancy</i> (percanggahan) juga boleh berlaku memandangkan terdapat perbezaan <i>baseline</i> antara yang diterima pakai di Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, satu sistem yang mempunyai database yang komprehensif perlu dibangunkan bagi program-program IPR Selangor bagi memastikan tiada kumpulan rentan yang tercicir serta memastikan setiap program yang dilaksana itu manfaatnya terus diterima oleh kumpulan sasaran. Sistem tersebut juga dapat membantu Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam memastikan tidak wujud keadaan dimana wujud pihak yang mendapat manfaat yang bertindan (<i>multiple assistance</i>) dari pelbagai agensi atau pihak yang tidak mendapat manfaat langsung akibat keceluaran data.</p> |

**MAKLUMAT UNTUK PENELITIAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAK  
KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR**

---

3. Keprihatinan pihak puhan berhubung perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

*Sharifah Norsalina*

( SHARIFAH NORSALINA BINTI SYED NAWAWI )

Bahagian Belanjawan

b.p. Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PP-003, PT-002